

**PENILAIAN PELAKSANAAN
MODEL PENGAYAAN SELURUH SEKOLAH
UNTUK PELAJAR PINTAR CERDAS
DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA:
SATU KAJIAN KES**

Oleh

MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA

**Tesis ini diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah
Universiti Sains Malaysia**

Jun, 2008

Pengakuan

Adalah diakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan dan ringkasan yang diperturunkan, yang tiap-tiap satu dijelaskan sumbernya.

Bertarikh:

.....

Jun, 2008

(MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA)
P-PD0192 USM

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t dengan rahmat dan izin-Nya tesis ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada:-

Profesor Madya Dr. Nor Hashimah bt Hashim di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia sebagai penyelia utama yang telah banyak memberi bimbingan, pertolongan dan dorongan yang amat berharga dan tidak terbalas. Doa sentiasa dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t semoga jasa baik yang telah diberikan diterima sebagai sebaik-baik amalan yang akan diberikan ganjaran di dunia dan di akhirat.

Profesor Madya Dr. Mohd Daud b. Hamzah sebagai penyelia kedua yang juga banyak memberi tunjuk ajar terutama di peringkat awal penyediaan tesis sehingga ke peringkat pembentangan usul. Sayangnya kerana masa yang tidak mengizinkan, beliau telah bersara dan tidak sempat melihat tesis ini dilengkapkan hingga sempurna. Walau bagaimanapun, jasa mu tetap dikenang.

Mantan Dekan PPIP USM, Profesor Dr. Aminah Ayob dan pensyarah-pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia khususnya kepada Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed, Profesor Madya Dr. Khadijah Zon, Dr. Shahizan dan Dr. Abd Ghani Ganesan Abdullah yang telah membaca, menyemak dan menilai usul penyelidikan yang dibentangkan. Terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Ishak Ramly, Dr. Shuki Osman yang telah membantu menyemak instrumen dan beberapa draf daripada usul penyelidikan.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui Institut Latihan Kakitangan MARA (ILHAM), Bahagian Sumber Manusia yang telah meluluskan cuti belajar di bawah skim latihan kakitangan, menaja program pengajian dan menguruskan dana yang diperuntukkan dengan cekap dan berkesan.

Mantan Ketua Pengarah MARA, Dato' Mohd Mydin b. Shariff dan mantan Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, Tn. Hj. Ahmad Roslan b. Hj. Johari yang telah memberi dorongan dan memungkinan pengajian ini. Tidak lupa juga kepada pengetua, rakan-rakan guru dan pelajar di MRSM Jasin, MRSM Taiping dan MRSM Langkawi yang telah memberikan kerjasama yang amat memuaskan semasa menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar.

Yang teristimewa isteri tersayang Noor Ainon bt Abu Bakar serta anakanda-anakanda yang dikasihi Amirah Saryati, Athirah Farhana dan Afif Fitri yang selalu mendoakan kejayaan ini. Pengorbanan dan toleransi yang diberikan telah memberi kekuatan dan memudahkan laluan untuk menuju cita-cita.

Ayahanda Hj. Zakaria b. Mat Zin dan bonda Hjh. Bedah bt Ali yang sentiasa mendoa kejayaanku, mendidik dan mengajarku sehingga menjadi manusia yang berguna. Dengan kejayaan ini, aku dapat menyambung perjuangan dan sumbangan mu terhadap anak bangsa, agama dan tanah air.

Ayahanda mertua Hj. Abu Bakar b. Abdul Rahman yang memberi sokongan dan mendoakan kejayaan sepanjang pengajian ini.

Rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang turut membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga Allah membalas jasa baik kalian. Budi baik tuan/puan akan tetap menjadi ingatan.

Terima kasih.

KANDUNGAN

Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vii
Kandungan	ix
Lampiran.....	xiv
Senarai Rajah.....	xv
Senarai Jadual.....	xvi
Senarai Singkatan.....	xvii

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Latar Belakang Kajian.....	3
1.3	Pernyataan Masalah.....	11
1.4	Objektif Kajian.....	18
1.5	Soalan Kajian.....	21
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.7	Rasional Kajian	28
1.8	Kepentingan Kajian.....	31
1.9	Definisi Operasional Istilah	32
1.10	Batasan Kajian.....	33
1.11	Rumusan	36

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan.....	37
2.2	Teori Dasar Pendidikan Pintar Cerdas.....	37
	2.2.1 Jenis-jenis Kecerdasan	45
	2.2.2 Proses Mengenal Pasti Pelajar Pintar Cerdas	46
	2.2.2.1 Pintar Cerdas Akademik.....	47
	2.2.2.2 Kecerdasan Sosial	47
	2.2.2.3 Kecerdasan Artistik	47
	2.2.2.4 Kreativiti	48
	2.2.3 Pintar Cerdas dan Teori Pendidikan Humanistik	49
2.3	Keperluan Program untuk Pelajar Pintar Cerdas	51
2.4	Definisi Pintar Cerdas	53
2.5	Kurikulum untuk Pendidikan Pintar Cerdas.....	60
	2.5.1 Kurikulum Terbeza.....	62
	2.5.2 Pemadatan Kurikulum.....	65
	2.5.3 Pecutan Kurikulum.....	65
2.6	Model-model Pengayaan Pendidikan	67

2.6.1	Model William.....	68
2.6.2	Model Taylor	68
2.6.3	Model Torrance	69
2.6.4	Model Feldhusen dan Kollof.....	69
2.6.5	Model Treffinger	69
2.6.6	Model Kaplan	70
2.6.7	Model MPSS	73
2.7	Sejarah Ringkas Model Pengayaan Seluruh Sekolah (MPSS)	76
2.7.1	Matlamat Pelaksanaan MPSS.....	81
2.7.2	Komponen-komponen dalam MPSS.....	82
2.7.2.1	Struktur Pendidikan	82
2.7.2.2	Pemberian Perkhidmatan Pendidikan	83
2.7.2.3	Komponen Organisasi.....	85
2.8	MRSM dan Konsep Kecerdasan.....	85
2.9	Penilaian Pelaksanaan MPSS di MRSM.....	90
2.10	Pendidikan untuk Pelajar Pintar Cerdas di Malaysia	95
2.10.1	Pendidikan Pintar Cerdas Sebelum Merdeka	95
2.10.2	Pendidikan Pintar Cerdas Selepas Merdeka	97
2.11	Model Penilaian Kajian Kes.....	100
2.12	Alat Heuristik CIPP dan MPSS	101
2.13	Kajian-kajian Terdahulu	103
2.13.1	Kajian Awal	103
2.14.2	Kajian di Malaysia	104
2.15	Rumusan	110

BAB 3: METODOLOGI DAN PROSEDUR KAJIAN

3.1	Pendahuluan.....	112
3.2	Reka Bentuk Kajian	112
3.2.1	Rasional Kaedah Tinjauan	114
3.2.2	Rasional Pendekatan Kajian Kes	116
3.2.3	Rasional Penggunaan Alat Heuristik CIPP	120
3.3	Perancangan dan Pelaksanaan Kajian	121
3.4	Populasi dan Pensampelan	127
3.4.1	Lokasi Penyelidikan dan Keunikan Kes	127
3.4.2	Pemilihan MRSM	132
3.5	Unit Kajian Kes	135
3.6	Instrumen Kajian.....	136
3.6.1	Temu Bual.....	136
3.6.2	Pemerhatian	139
3.6.3	Soal Selidik	139
3.6.4	Dokumen.....	141
3.7	Kajian Rintis.....	141
3.7.1	Instrumen Kajian Rintis	142

3.7.2	Saiz Sampel	142
3.7.3	Prosedur Kajian Rintis	144
3.7.4	Dapatan Kajian Rintis	148
3.7.5	Masalah yang Dihadapi dalam Kajian Rintis dan Cara Mengatasinya	149
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	150
3.8.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Temu Bual	153
3.8.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	154
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	154
3.10	Prosedur Analisis Data	161
3.10.1	Analisis Data Temu Bual	162
3.10.2	Analisis Data Soal Selidik	163
3.10.3	Analisis Dokumen	163
3.10.4	Analisis Data Pemerhatian	164
3.11	Rumusan	165

BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	167
4.2	Data Demografi	167
4.3	Data Pemerhatian	170
4.4	Dapatan Kajian Penilaian Konteks	174
4.4.1	Dasar, Wawasan dan Falsafah MPSS (SK1)	175
4.4.2	Jenis Pelajar yang Ingin Dilahirkan (SK2)	178
4.4.3	Integrasi Kurikulum Biasa dengan Kurikulum MPSS (SK3) ...	179
4.5	Dapatan Kajian Penilaian Input	182
4.5.1	Analisis Kuantitatif Penilaian Input	182
4.5.2	Analisis Kualitatif Penilaian Input	185
4.5.2.1	Struktur Pendidikan yang Diwujudkan untuk Pemantauan Pelaksanaan MPSS (SK4)	185
4.5.2.2	Penyediaan Bilik Sumber Khusus untuk MPSS (SK5)	185
4.5.2.3	Kewujudan Jawatankuasa Pemanduan (SK6)	186
4.5.2.4	Kewujudan Jawatankuasa Pembangunan Staff (SK7)	186
4.5.2.5	Kewujudan Pakar Rujuk Pengajaran dan Peranannya (SK8)	187
4.5.2.6	Kewujudan Jawatankuasa Orientasi (SK9)	188
4.6	Dapatan Kajian Penilaian Proses	189
4.6.1	Analisis Kuantitatif Penilaian Proses	189
4.6.2	Analisis Kualitatif Penilaian Proses	192
4.6.2.1	Kaunseling Individu dan Berkumpulan (SK10)	192
4.6.2.2	Bimbingan Kerjaya dan Mini Tesis Pelajar (SK11) ...	193

4.6.2.3	Program Pengayaan dan Kursus Kemahiran Jenis (SK12)	194
4.6.2.4	Program Pecutan Mata Pelajaran (SK13).....	197
4.6.2.5	Program Pecutan Kelas (SK14).....	199
4.6.2.6	Pelaksanaan Skim Mentor Kerjaya (SK15).....	200
4.6.2.7	Pelaksanaan Pengubahsuaian Kurikulum (SK16)	201
4.6.2.8	Program Pengayaan Di Dalam dan Di Luar Bilik Darjah (SK17)	204
4.6.2.9	Program Peningkatan Prestasi (SK18)	208
4.6.2.10	Pengiktirafan kepada Pelajar Cemerlang (SK19)	211
4.6.2.11	Peluang Melakukan Penyelidikan Lanjutan (SK20) ..	213
4.7	Dapatan Kajian Penilaian Produk	215
4.7.1	Analisis Kuantitatif Penilaian Produk.....	215
4.7.2	Analisis Kualitatif Penilaian Produk.....	218
4.7.2.1	Pesta Pengayaan Aktiviti Jenis III (SK21)	218
4.7.2.2	Penyediaan Portfolio Pelajar (SK22).....	221
4.7.2.3	Maklumat Gaya Belajar, Minat dan Kebolehan (SK23).....	222
4.7.2.4	Penerbitan Berhubung dengan MPSS (SK24).....	223
4.7.2.5	Penyediaan Jadual Besar Aktiviti MPSS (SK25)	224
4.8	Rumusan	225

BAB 5: PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan.....	227
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	227
5.2.1	Penilaian Konteks	227
5.2.2	Penilaian Input	228
5.2.3	Penilaian Proses	231
5.2.4	Penilaian Produk.....	235
5.3	Perbincangan.....	237
5.3.1	Penilaian Konteks	237
5.3.2	Penilaian Input	239
5.3.3	Penilaian Proses	242
5.3.4	Penilaian Produk.....	253
5.4	Dapatan Kualitatif yang Penting.....	256
5.4.1	Dapatan 1: Penyediaan Garis Panduan Kepada Pasukan MPSS dalam Struktur Pendidikan.....	256
5.4.2	Dapatan 2: Pemberian Perkhidmatan Pendidikan yang Mengambil Kira Minat, Kebolehan dan Gaya Belajar	256
5.4.3	Dapatan 3: Komponen Organisasi Memerlukan Ahli Jawatankuasa yang Berpengetahuan & Proaktif.....	257

5.4.4	Dapatan 4: MPSS dapat memenuhi Keperluan Pelajar Pintar Cerdas	257
5.4.5	Dapatan 5: MPSS Menekankan Penguasaan Kemahiran Penyelidikan & <i>Soft skills</i>	258
5.4.6	Dapatan 6: Penambahbaikan MPSS.....	258
5.4.7	Dapatan 7: Pembiayaan MPSS yang Mencukupi.....	258
5.4.8	Dapatan 8: Saringan Pelajar untuk Projek Penyelidikan.....	258
5.4.9	Dapatan 9: Guru yang Berpengetahuan dan Berkemahiran.....	259
5.4.10	Dapatan 10: Integrasi Kurikulum Biasa dengan Kurikulum MPSS	259
5.5	Implikasi Kajian.....	260
5.5.1	Pentadbir.....	260
5.5.2	Guru	262
5.5.3	Ibu bapa.....	264
5.5.4	Pelajar.....	266
5.5.5	MARA Sebagai Organisasi Pengelola.....	267
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan.....	268
5.7	Rumusan.....	270
	BIBLIOGRAFI.....	271

LAMPIRAN

Lampiran 1 :	Protokol Temu Bual.....	289
Lampiran 2A :	Soalan untuk Temu Bual.....	290
Lampiran 2B :	Temu Bual dengan Penolong Pengetua (HEA &HEP) dan Ketua Jabatan	291
Lampiran 2C :	Temu Bual dengan Kaunselor Pelajar.....	293
Lampiran 2D :	Temu Bual dengan Ibu Bapa	294
Lampiran 2E :	Temu Bual dengan Pelajar.....	295
Lampiran 3A :	Protokol Pemerhatian Guru..... (Versi Penyelidik)	297
Lampiran 3B :	Protokol Pemerhatian Guru..... (Catatan di lapangan)	298
Lampiran 4A :	Soal Selidik untuk Pelajar.....	299
Lampiran 4B :	Soal Selidik untuk Ibu Bapa.....	303
Lampiran 4C :	Soal Selidik untuk Guru.....	310
Lampiran L-SK:	Analisis Data Temu Bual.....	311
Lampiran 5A :	Analisis Mengikut CIPP Kes 1	351
Lampiran 5B :	Analisis Mengikut CIPP Kes 2	355
Lampiran 6 :	Surat Pengesahan USM	359
Lampiran 7 :	Keputusan Seminar Siswazah	360
Lampiran 8 :	Surat Kebenaran Pengarah BPL(M).....	361
Lampiran 9 :	Surat Kebenaran Kajian Rintis	362
Lampiran 10 :	Surat Kebenaran Pengetua MRSM Taiping	363
Lampiran 11 :	Surat Kebenaran Pengetua MRSM Langkawi	364
Lampiran 12 :	SPM 2000-2003 Mengikut Gred Purata.....	365
Lampiran 13 :	SPM 2003 & 2004 Mengikut Gred Purata	366
Lampiran 14 :	Bilangan MRSM, Pelajar dan Pensyarah	367
Lampiran 15 :	SPM 2005 Mengikut Gred Purata.....	368
Lampiran 16 :	Bilangan Pelajar MRSM	369

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1:	Prinsip CIPP dan hubungan CIPP dengan MPSS.....	8
Rajah 1.2:	Kerangka konseptual kajian	27
Rajah 2.1:	Konsep tiga gegelang perlakuan pintar cerdas	59
Rajah 2.2:	Sekolah tempat pengembangan bakat.....	75
Rajah 2.3:	Model pengayaan triad.....	78
Rajah 2.4:	Hubungan penilaian dan membuat keputusan	92
Rajah 2.5:	Jenis-jenis keputusan dan penilaian	93
Rajah 3.1:	Reka bentuk kajian.....	119
Rajah 3.2:	Carta rancangan pelaksanaan kajian.....	122
Rajah 3.3:	Langkah-langkah dalam pengendalian data	166

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1:	MRSM yang melaksanakan MPSS	128
Jadual 3.2:	Kategori dan bilangan populasi dan sampel di 2 buah MRSM untuk kajian sebenar	129
Jadual 3.3:	Kategori, populasi dan peratusan sampel	131
Jadual 3.4:	Jumlah soalan temu bual, soal selidik dan Soalan kajian.....	138
Jadual 3.5:	Saiz sampel dalam kajian rintis	143
Jadual 3.6:	Masalah semasa kajian rintis dan persediaan menghadapinya	151
Jadual 4.1	Pengalaman mengajar	168
Jadual 4.2	Pengalaman mengajar di dalam MPSS	169
Jadual 4.3	Latihan yang pernah diterima oleh guru untuk MPSS	169
Jadual 4.4	Analisis deskriptif penilaian input (Kes 1) (SK4 – SK9)	183
Jadual 4.5	Perbezaan skor min penilaian input (Kes 1).....	183
Jadual 4.6	Analisis deskriptif penilaian input (Kes 2) (SK4 – SK9)	184
Jadual 4.7	Perbezaan skor min penilaian input (Kes 2).....	184
Jadual 4.8	Analisis deskriptif penilaian proses (Kes 1) (SK10 – SK20)	190
Jadual 4.9	Perbezaan skor min penilaian proses (Kes 1).....	190
Jadual 4.10	Analisis deskriptif penilaian proses (Kes 2) (SK10 – SK20)	191
Jadual 4.11	Perbezaan skor min penilaian proses (Kes 2).....	191
Jadual 4.12	Analisis deskriptif penilaian produk (Kes 1) (SK21 – SK25)	216
Jadual 4.13	Perbezaan skor min penilaian produk (Kes 1)	216
Jadual 4.14	Analisis deskriptif penilaian produk (Kes 2) (SK21 – SK25)	217
Jadual 4.15	Perbezaan skor min penilaian produk (Kes 2)	217

SENARAI SINGKATAN

BWP	:	Badan Wakil Pelajar
<i>CIPP</i>	:	<i>Context, Input, Process and Product</i>
FPN	:	Falsafah Pendidikan Negara
GL	:	Guru di Kes 2 (Langkawi)
GT	:	Guru di Kes 1 (Taiping)
HEA	:	Hal Ehwal Akademik
HEP	:	Hal Ehwal Pelajar
IBL	:	Ibu Bapa di Kes 2 (Langkawi)
IBT	:	Ibu Bapa di Kes 1 (Taiping)
IPTA	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KAB	:	Kemahiran Amalan Belajar
KAUNS	:	Kaunselor
KJB	:	Ketua Jabatan Bahasa
KJM	:	Ketua Jabatan Matematik
KJPA	:	Ketua Jabatan Pengajian Am
KJS	:	Ketua Jabatan Sains
KKB	:	Kemahiran Berfikir
MARA	:	Majlis Amanah Rakyat
MPSS	:	Model Pengayaan Seluruh Sekolah
MRSM	:	Maktab Rendah Sains MARA
P&P	:	Pengajaran dan Pembelajaran
PBWP	:	Presiden Badan Wakil Pelajar
PGG	:	Program Gerak Gemilang
PIBG	:	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PL	:	Pelajar di Kes 2 (Langkawi)
PNG	:	Purata Nilai Gred
PPHEA	:	Penolong Pengetua Hal Ehwal Akademik
PPHEP	:	Penolong Pengetua Hal Ehwal Pelajar
PT	:	Pelajar di Kes 1 (Taiping)
PTUA	:	Pengetua
<i>SDS</i>	:	<i>Self Directed Search</i>
<i>SEM</i>	:	<i>Schoolwide Enrichment Model</i>
SK	:	Soalan Kajian
UKKM	:	Ujian Kecenderungan Kemasukan MRSM
<i>XYC</i>	:	<i>Excellent Youth Club</i>
YDP	:	Yang Di Pertua

PENILAIAN PELAKSANAAN MODEL PENGAYAAN SELURUH SEKOLAH UNTUK PELAJAR PINTAR CERDAS DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA: SATU KAJIAN KES

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan Model Pengayaan Seluruh Sekolah (MPSS) yang dilaksanakan di MRSM. Objektif utama kajian kes ini adalah untuk mencapai satu kefahaman yang menyeluruh mengenai MPSS di MRSM. Aspek yang dinilai ialah kesedaran, pengalaman dan perasaan pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar terhadap komponen-komponen struktur pendidikan, pemberian perkhidmatan pendidikan dan struktur organisasi di MRSM. Objektif khusus kajian ini adalah untuk mencari jawapan terhadap soalan-soalan kajian berdasarkan kepada empat jenis penilaian; konteks, input, proses dan produk. Kajian ini adalah kajian kes berbilang yang dijalankan secara kualitatif sebagai kaedah kajian utama di samping menggunakan pendekatan triangulasi. Soal selidik, analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian dijalankan bersama untuk menjawab soalan-soalan kajian yang dibentuk. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferens mengikut empat jenis penilaian untuk menyokong dapatan daripada temu bual dan pemerhatian. Ujian Pos Hoc Tukey digunakan untuk menjelaskan perbezaan min antara kumpulan responden.

Dapatan kajian menunjukkan responden memberikan pelbagai pandangan terhadap 22 soalan kajian yang dibentuk. Dari segi penilaian konteks tiga aspek telah dikaji, iaitu hala tuju (dasar, wawasan dan falsafah) MPSS, jenis pelajar yang ingin dilahirkan dan cara integrasi kurikulum sedia ada dengan kurikulum MPSS. MPSS menggariskan hala tuju yang jelas dalam menyediakan pelajar sebagai generasi masa depan melalui integrasi kurikulum biasa dan MPSS. Dapatan kajian dari segi penilaian input menjelaskan peranan dan fungsi yang dimainkan oleh jawatankuasa yang dibentuk dalam struktur pendidikan dan komponen organisasi jenis input. Terdapat jawatankuasa yang berjaya menggerakkan pelaksanaan MPSS tetapi terdapat juga sebaliknya. Manakala dapatan kajian dari segi penilaian proses memperlihatkan proses pendidikan dalam MPSS dijalankan melalui struktur pendidikan dan pemberian perkhidmatan pendidikan jenis proses. Pesta Pengayaan Aktiviti Jenis III adalah kemuncak pelaksanaan MPSS di MRSM tetapi masih perlu diperbaiki dan diberi pengiktirafan sewajarnya terhadap penyelidikan saintifik pelajar.

Kajian ini juga mengemukakan dapatan-dapatan yang boleh digunakan untuk pemantapan pelaksanaan MPSS di MRSM. Antara dapatan tersebut adalah MPSS perlu dibuat penambahbaikan secara berkala bagi menyuntik semangat baru dan motivasi kepada guru. MPSS juga perlu sentiasa disokong

oleh Pasukan MPSS yang berilmu dan berkemahiran. Kajian ini juga mengemukakan cadangan implikasi kepada penggubal dasar, guru, ibu bapa dan pelajar sendiri. Sebagai penggubal dasar, MARA perlu menyediakan program latihan guru yang lebih sistematik dengan memberi penekanan kepada penguasaan ilmu dan kemahiran untuk melaksana MPSS dengan lebih berkesan dan menyediakan pusat pembelajaran untuk memberi kemudahan pelajar menjalankan penyelidikan.

EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF THE SCHOOLWIDE
ENRICHMENT MODEL AMONG GIFTED STUDENTS IN MARA JUNIOR
SCIENCE COLLEGES: A CASE STUDY

ABSTRACT

The study is to evaluate the implementation of the Schoolwide Enrichment Model (SEM) in Mara Junior Science Colleges (MRSM). The main objective was to achieve a comprehensive understanding of SEM in MRSM. The aspects evaluated were the awareness, experiences and the feelings of the administrators, teachers, parents and students towards the components of educational structures, service delivery and organizational structures in MRSM. The specific objectives of the study were to find scientific answers to the research questions based on four types of evaluation: context, input, process and product. Besides using the triangulation approach, the main methodology employed was multiple cases qualitative study. Questionnaires, document analysis, interviews and observations were collectively carried out to answer the research questions designed. The questionnaire data had been analyzed descriptively and the inferences based on the four types of evaluation are used to support the data from interviews and observations. The Pos Hoc Tukey tests were used to find the significant mean differences among all groups of respondents.

The findings showed that the respondents had given various responses towards the twenty two research questions developed. In the context evaluation, three aspects were studied: the direction of SEM (policies, vision and philosophy), the types of students to be produced and the integration between the existing and the SEM curricula. SEM had outlined a clear direction in preparing students who will be the future generation through the integration of the existing and SEM curricula. In the input evaluation, the findings clarified the roles and functions of the committees formed under the educational structures and input organizational component. Some committees were successful in implementing the SEM, but there were unsuccessful ones as well. In the process evaluation, the findings showed how the educational processes in SEM were being carried out through the educational structures and the process-type service delivery. The Type III Enrichment Activities Carnival was the climax of the SEM implementation in MRSM but requires further improvements and recognition for students' efforts in scientific research.

It is proposed that the findings of this study be used to consolidate the implementation of SEM in MRSM. SEM should be improved periodically to instill the spirit of innovation and enhance motivation among teachers. SEM should also be supported by a knowledgeable team with the requisite skills. The study also put forward suggestions regarding the implications of SEM to the policy

makers, teachers, parents as well as the students. Among the implications of the study are MARA should provide more systematic teacher training programs which emphasize on knowledge and skills mastery in order to implement SEM more effectively and to provide learning centers for students to conduct research.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Model Pengayaan Seluruh Sekolah (MPSS) atau *Schoolwide Enrichment Model (SEM)* telah dilaksanakan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) sejak tahun 1988. MRSM Kulim melaksanakan MPSS sebelum dipindahkan ke MRSM Taiping pada tahun 1991. Terdapat empat buah MRSM yang melaksanakan model pengayaan ini secara rasmi. MPSS telah dipilih oleh Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, Kuala Lumpur bagi melayani dan memberi perkhidmatan pendidikan kepada pelajar MRSM yang terpilih. MPSS pada asalnya digubal untuk Program Pendidikan Pintar Cerdas kemudian dikembangkan dan digunakan di institusi pendidikan sebagai inovasi untuk meningkatkan pencapaian di bawah '*school improvement program*'. Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah mengadaptasi dan melaksanakan MPSS di MRSM dengan membuat pengubahsuaian kepada pendekatan pelaksanaannya. MPSS belum pernah dinilai secara menyeluruh sejak mula dilaksanakan di Maktab Rendah Sains MARA. Kajian ini ingin melihat sejauh mana MPSS telah berjaya mencapai matlamatnya dengan meninjau pandangan, pengalaman dan perasaan pelaksana seperti pengetua, guru, pelajar dan ibu bapa.

Tuckman (1985) menyatakan bahawa tujuan penilaian sesuatu program pendidikan adalah untuk memastikan program mencapai matlamat. Menurut Tuckman (1985) lagi, penilaian program pendidikan lazimnya berlaku dalam

konteks yang dirancang termasuklah semua prosedur yang diikuti, semua input dan proses penetapan matlamat yang mendasari penilaian sesuatu program. Justeru, kajian ini akan menilai pelaksanaan MPSS di MRSM secara menyeluruh dari tiga komponen, iaitu struktur pendidikan di MRSM, pemberian perkhidmatan pendidikan dan struktur organisasi di MRSM sendiri. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan suatu alat heuristik (*heuristic device*) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (1971) dan dikenali sebagai CIPP (*context, input, process, product*). Menurut Renzulli (1975a), CIPP adalah satu pendekatan umum yang dimajukan bagi menilai pelbagai aspek program penilaian. Walaupun CIPP dimajukan tidak spesifik untuk menilai program pintar cerdas, tetapi alat ini boleh digunakan kerana kerangka organisasinya yang luas merangkumi berbagai-bagai aktiviti pendidikan.

CIPP lazimnya digunakan oleh penyelidik kuantitatif. Penstrukturan dan pengkategorian antara tiga komponen dalam MPSS, iaitu A) struktur pendidikan, B) pemberian perkhidmatan pendidikan dan, C) struktur komponen organisasi, memudahkan kajian penilaian ini. Semua aspek yang terdapat dalam tiga komponen MPSS dapat dikategorikan di bawah penilaian konteks, input, proses dan produk dalam CIPP. Cara kajian ini dijalankan tidaklah sepenuhnya mengikut langkah-langkah yang biasanya terdapat dalam model penilaian CIPP. Sebaliknya, CIPP digunakan sebagai alat heuristik inkuiri untuk memudahkan pelaksanaan kajian, penganalisan data dan perbincangan.

1.2 Latar Belakang Kajian

MRSM adalah institusi pendidikan peringkat menengah berasrama penuh yang mengambil masuk pelajar yang terpilih ke Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat. Di empat buah MRSM, Program Khas Pendidikan (PKP) dijalankan untuk pelajar Tingkatan Empat dan Lima. PKP mengintegrasikan kurikulum biasa yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan MPSS. Pelajar Tingkatan Empat di MRSM yang terpilih adalah pelajar yang telah melepasi syarat-syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Menurut kajian Abd Majid Mohd Isa (1993) dan Siti Zaharah Sulaiman (1975), pelajar MRSM boleh dikategorikan sebagai pelajar pintar cerdas dalam bidang akademik. Pelajar yang dipilih telah mencapai 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk masuk ke Tingkatan Satu dan sekurang-kurangnya 6A, 2B dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) untuk masuk ke Tingkatan Empat. Calon-calon yang memohon masuk ke Tingkatan Empat dikehendaki menduduki Ujian Kecenderungan Kemasukan MRSM (UKKM) yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA. Oleh sebab terdapat ciri-ciri pintar cerdas pada pelajar MRSM, maka MPSS telah dipilih untuk diintegrasikan dengan kurikulum sekolah menengah yang sedia ada. MPSS dikatakan sebagai program pengayaan pendidikan yang sesuai untuk melayani kehendak kumpulan pelajar pintar cerdas di MRSM (Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2000). Renzulli dan Reis (1985a) selaku pengasas menyatakan bahawa MPSS pada asasnya adalah untuk program pendidikan pintar cerdas dan

diperluaskan kepada institusi pendidikan yang ingin meningkatkan pencapaian pelajar.

Pada hari ini, MPSS telah digunakan dengan meluas terutama dalam program pendidikan pintar cerdas di seluruh dunia. Seminar berbentuk '*confratute*' (*conference and institute*) yang diadakan di University of Connecticut, Amerika Syarikat telah masuk tahun ke 30 pada tahun 2007 dan telah menjadi mercu tanda kejayaan MPSS. '*Confratute*' tentang MPSS diadakan pada setiap tahun dan dihadiri oleh peserta-peserta dari seluruh dunia (Confratute, 2007). MRSM juga turut menghantar wakil guru mengikuti seminar ini setiap tahun (Buletin BPL(M), 2004). Negara China, negara-negara Arab dan German telah menterjemah buku-buku tulisan Renzulli untuk digunakan dalam sistem pendidikan di negara masing-masing (Palmer, 2000). Menurut Palmer (2000) lagi, minat negara di luar Amerika Syarikat semakin bertambah kerana ingin memajukan kanak-kanak yang berbakat. Siti Zaharah Sulaiman (1975) dan Cynthia (1994) menyatakan bahawa penubuhan Maktab Rendah Sains MARA adalah sebagai satu inovasi desentralisasi pendidikan peringkat menengah dalam negara untuk memenuhi keperluan pendidikan bagi memajukan kaum bumiputera dalam bidang berasaskan Sains dan Matematik. MARA telah melaksanakan MPSS di MRSM Taiping, MRSM Pengkalan Cempaka, MRSM Jasin dan MRSM Langkawi.

MPSS terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu komponen struktur pendidikan, komponen pemberian perkhidmatan pendidikan dan komponen

organisasi (Renzulli dan Reis, 1985b). Untuk kajian ini, penyelidik membahagikan skop penilaian pelaksanaan MPSS di MRSM kepada tiga komponen, iaitu A) struktur yang terdapat di MRSM, B) pemberian perkhidmatan pendidikan, dan C) komponen organisasi di MRSM sendiri. Ketiga-tiga komponen ini telah diubah suai daripada Renzulli dan Reis (1977) supaya sesuai dengan konteks pelaksanaannya di MRSM. Huraian ketiga-tiga komponen adalah seperti berikut.

(A) Struktur pendidikan di MRSM

Struktur di MRSM akan dilihat dari aspek:-

- (a) struktur yang diwujudkan untuk pemantauan pelaksanaan MPSS seperti Penyelaras Ko-kurikulum, Penyelaras Homeroom, Jawatankuasa Aktiviti Jenis III (iaitu kajian sebenar dan penghasilan mini tesis pelajar) dari MPSS, Penyelaras Mata Pelajaran dan Ketua Jabatan Pengajian.
- (b) bilik sumber yang mengandungi semua maklumat yang diperlukan oleh guru dan pelajar termasuk panduan 'how to' dalam pelaksanaan program MPSS.
- (c) kaunseling individu dan berkumpulan khususnya untuk pelajar yang tiada fokus dan bermasalah.
- (d) bimbingan dan maklumat kerjaya untuk pelajar sehingga pelajar jelas dengan kerjaya yang dipilih dan boleh menghasilkan satu produk reka cipta yang relevan.
- (e) pengayaan secara berkumpulan mengikut mata pelajaran dan kursus berkaitan dengan kemahiran.

- (f) pecutan mata pelajaran terhadap mata pelajaran yang dikenal pasti telah dikuasai oleh pelajar dan mata pelajaran yang lain diajar mengikut kebolehan dan kemampuan pelajar.
- (g) pecutan kelas, iaitu kelas yang menunjukkan prestasi yang tinggi sepanjang masa dilakukan pecutan kelas dengan memberi program-program lain yang sesuai.
- (h) Pesta Aktiviti Jenis III (pameran produk reka cipta dan mini tesis pelajar), iaitu dengan mempelbagaikan hasilan (produk) oleh pelajar.
- (i) skim mentor kerjaya dengan meletakkan pelajar di bawah bimbingan ahli profesional dalam bidang yang pelajar minati.

(B) Pemberian perkhidmatan pendidikan

Pemberian perkhidmatan pendidikan yang dimaksudkan adalah:-

- (a) penyediaan portfolio pelajar yang komprehensif.
- (b) teknik pengubahsuaian kurikulum dalam bilik darjah.
- (c) pengayaan pengajaran dan pembelajaran dalam dan luar bilik darjah.
- (d) program peningkatan prestasi seperti kelas pemulihan dan kaunseling akademik.
- (e) program pengiktirafan untuk pelajar cemerlang.
- (f) peluang untuk penyelidikan lanjutan.
- (g) data analisis terhadap pelajar seperti gaya pembelajaran, minat dan kebolehan.

(C) Komponen organisasi


Dari sudut komponen organisasi, aspek-aspek yang dimaksudkan adalah:-

- (a) jawatankuasa pemanduan dan pelaksanaan MPSS.
- (b) jawatankuasa pembangunan staf.
- (c) penerbitan sumber dan bahan maklumat berhubung dengan MPSS.
- (d) peranan pakar pengajaran untuk merancang dan melaksanakan program secara berterusan.
- (e) jawatankuasa orientasi hala tuju pelaksanaan MPSS untuk guru, staf sokongan dan pelajar.
- (f) penjadualan program dan semua aktiviti yang berkaitan pelaksanaan MPSS.

Bagi memudahkan penilaian dibuat, penyelidik mengkategorikan semua aspek di bawah setiap komponen MPSS kepada jenis-jenis penilaian mengikut definisi CIPP oleh Stufflebeam (1971) dan Stufflebeam dan Shinkfield (1985) seperti yang ditakrifkan dalam Definisi Operasional Istilah (Subtopik 1.9). Penyelidik telah menambah penilaian konteks bagi melengkapi komponen konteks dalam CIPP dengan memfokuskan kepada tiga aspek, iaitu hala tuju program MPSS, dasar pelaksanaan MPSS dan integrasi kurikulum sedia ada dan kurikulum MPSS. Tambahan penilaian konteks adalah bertujuan untuk melihat MPSS dalam konteks MRSM secara keseluruhan. Rasional penggunaan CIPP sebagai alat heuristik kajian dijelaskan di dalam Subtopik 2.12 dan Subtopik 3.2.3.

Ringkasan kaitan antara komponen-komponen MPSS untuk CIPP ditunjukkan dalam Rajah 1.1 berikut.

Rajah 1.1: Prinsip CIPP dan hubungannya dengan komponen-komponen MPSS.



Jenis-jenis penilaian dan aspek-aspek di dalam komponen MPSS distrukturkan dan dikategorikan menurut definisi operasional istilah seperti berikut.

I. Penilaian Konteks

1. Hala tuju program MPSS atau organisasi MRSM.
2. Dasar di peringkat atasan yang menjadi panduan pelaksanaan MPSS.
3. Integrasi kurikulum sedia ada dan MPSS.

II. Penilaian Input

4. Struktur pendidikan yang diwujudkan untuk pemantauan pelaksanaan MPSS seperti Penyelaras Ko-kurikulum, Penyelaras Homeroom, Jawatankuasa Aktiviti Jenis III (kajian sebenar dan penghasilan mini tesis pelajar), Penyelaras Mata Pelajaran dan Ketua Jabatan Pengajian.
5. Bilik Sumber yang mengandungi semua maklumat yang diperlukan oleh guru dan pelajar termasuk panduan 'how to' dalam pelaksanaan MPSS.
6. Jawatankuasa pemanduan (*steering committee*) dan pelaksanaan MPSS.
7. Jawatankuasa pembangunan staf.
8. Peranan pakar pengajaran untuk merancang dan melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran secara berterusan.
9. Jawatankuasa orientasi hala tuju pelaksanaan MPSS untuk guru, staf sokongan dan pelajar.

III. Penilaian Proses

10. Kaunseling individu dan berkumpulan khususnya untuk pelajar yang tiada fokus dan bermasalah.
11. Bimbingan dan maklumat kerjaya untuk pelajar sehingga pelajar jelas dengan kerjaya yang dipilih dan boleh menghasilkan satu hasilan (mini tesis) yang relevan.

12. Program pengayaan pendidikan secara berkumpulan mengikut mata pelajaran, kursus dan latihan berkaitan dengan kemahiran.
13. Program pecutan mata pelajaran terhadap mata pelajaran yang dikenal pasti telah dikuasai oleh pelajar dan mata pelajaran yang lain diajar mengikut kebolehan dan kemampuan pelajar.
14. Program pecutan kelas, iaitu kelas yang menunjukkan prestasi yang tinggi sepanjang masa, dilakukan pecutan kelas dengan program alternatif yang bersesuaian.
15. Skim mentor kerjaya yang meletakkan pelajar di bawah bimbingan ahli profesional dalam bidang yang pelajar minati.
16. Teknik pengubahsuaian kurikulum dalam bilik darjah.
17. Program pengayaan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.
18. Program peningkatan prestasi seperti kelas pemulihan dan kaunseling akademik.
19. Program pengiktirafan untuk pelajar cemerlang.
20. Peluang untuk penyelidikan lanjutan.

IV. Penilaian Produk

21. Pesta Aktiviti Jenis III (pameran hasil reka cipta atau mini tesis pelajar).
22. Penyediaan portfolio pelajar yang komprehensif.
23. Data analisis terhadap pelajar seperti gaya pembelajaran, minat dan kebolehan.
24. Penerbitan sumber dan bahan maklumat berhubung dengan MPSS.

25. Penjadualan program dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pelaksanaan MPSS.

Rumusannya, pelaksanaan MPSS di MRSM adalah satu inovasi dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk memenuhi keperluan pelajar pintar cerdas akademik dengan menyediakan persekitaran persekolahan yang kondusif dan program pendidikan yang mencabar. Tiga komponen MPSS menjadi kriteria utama dalam kajian penilaian ini. Komponen-komponen itu ialah struktur pendidikan di MRSM, pemberian perkhidmatan pendidikan dan komponen organisasi di MRSM. Komponen-komponen ini dilaksanakan sebagai aktiviti penambahbaikan pendidikan dan menarik minat penyelidik untuk menjalankan kajian penilaian terhadap pelaksanaannya di MRSM.

1.3 Pernyataan Masalah

MARA telah melaksanakan MPSS di empat buah MRSM untuk melayani keperluan pelajar yang dikategorikan sebagai pintar cerdas akademik. Pada peringkat pelaksanaan MPSS, penekanan diberikan kepada tiga komponen utama, iaitu struktur pendidikan di MRSM, pemberian perkhidmatan pendidikan (*service delivery*) dan struktur dalam organisasi MRSM sendiri. Penekanan ini selaras dengan saranan oleh pengasas, Renzulli dan Reis (1985b). Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi praktis, budaya dan hasil di antara penekanan Renzulli dan Reis (1985b) dengan MRSM yang melaksanakan MPSS. Gallangher (2003) menekankan pentingnya perancangan yang teliti, adaptasi yang betul dan matlamat yang jelas dalam menyediakan program untuk pelajar

pintar cerdas. Justeru, bagaimana komponen-komponen ini dilaksanakan dan permasalahan yang timbul dalam proses pelaksanaan MPSS menjadi tumpuan kajian ini.

MPSS pada dasarnya adalah suatu model pengayaan yang disediakan untuk melayani pelajar pintar cerdas. Definisi pintar cerdas dan kaedah pemilihan pelajar oleh MARA sejak mula menggunakan MPSS pada tahun 1988, masih tidak jelas sama ada pemilihan yang dibuat memenuhi maksud ciri-ciri perlakuan pelajar pintar cerdas dari sudut kaedah mengenal pasti yang sebenar atau melakukan pengubahsuaian. Menurut Southern dan Ferguson (1996), pelajar pintar cerdas lazimnya menunjukkan kemajuan tingkah laku yang luar biasa dalam perkembangan awal kognitif dan sosial. Sekiranya pelajar ini dikenal pasti lebih awal dan diberikan program pengembangan khusus, tret-tret tingkah laku tersebut akan terus berkembang. Sebaliknya, jika tidak terdapat program intervensi yang bersesuaian, maka banyak ciri tingkah laku pintar cerdas yang positif akan terpendam dan yang timbul adalah tret-tret tingkah laku yang negatif (Southern dan Ferguson, 1996). Whitmore (1980) menekankan kepentingan mengenal pasti pelajar pintar cerdas seawal yang mungkin untuk mengelakkan tret-tret negatif. Van Tassel-Baska (1989) juga bersetuju bahawa mengenal pasti pelajar pintar cerdas dan program intervensi yang sesuai adalah penting untuk perkembangan *self-esteem* yang sihat, justeru dapat mengelakkan pelajar bersifat tidak cemerlang. MPSS adalah program intervensi di MRSM yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pelajar pintar cerdas yang telah dikenal pasti (Bahagian

Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, 2005b). Selain Ujian Kecenderungan Kemasukan MRSM, adakah bidang-bidang bakat dan minat pelajar, diberi perhatian dan galakan yang secukupnya melalui pelaksanaan MPSS dalam program pintar cerdas di MRSM?

Dalam analisis keputusan peperiksaan SPM tahun 2005, empat buah MRSM yang melaksanakan MPSS berada dalam kumpulan sepuluh buah sekolah bantuan penuh kerajaan yang terbaik di Malaysia. Gred purata mata pelajaran ialah antara 1.83 hingga 2.12 sahaja (Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2006). Namun, sejauh manakah peranan MPSS di MRSM berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang dan berbakat seperti yang digariskan dalam matlamat MPSS? Dengan itu, tinjauan mengenai pandangan pentadbir, guru dan pelajar adalah perlu kerana penglibatan mereka secara langsung dalam pelaksanaan MPSS di MRSM. Tambahan pula, menurut Southern dan Ferguson (1996), sekiranya pelajar pintar cerdas ingin meningkatkan potensi diri yang sebenar, ibu bapa, pentadbir dan guru perlu bekerjasama dengan baik. Oleh itu, dalam pelaksanaan MPSS di MRSM, bagaimanakah pentadbir, guru dan ibu bapa bekerjasama, dinilai dari segi peranan dan penglibatan dalam menjayakan objektif MRSM. Pandangan daripada ibu bapa yang menjadi penyumbang luar kepada program perlu, khususnya dari aspek pengurusan dan pentadbiran MPSS untuk melihat sejauh manakah mereka dilibatkan dalam proses membuat keputusan dalam melaksanakan MPSS.

Menurut Azly Abd Rahman dan Mutiara Hj. Mohamad (1995), pada tahun 1988 berlaku perkembangan dalam pendidikan pintar cerdas di MRSM. MRSM Kulim telah dipilih sebagai sekolah untuk pelajar pintar cerdas di bawah penyeliaan Projek BAKA Universiti Malaya. Projek BAKA melibatkan seramai satu ratus orang pelajar. Sekumpulan guru telah dipilih untuk dilatih oleh Projek BAKA sebagai guru yang akan mengajar pelajar di bawah program pintar cerdas. Pemilihan pelajar untuk masuk ke MRSM Kulim telah dibuat oleh kumpulan penyelidik projek BAKA. Pemilihan pelajar untuk mengikuti PKP MARA adalah berasaskan ujian-ujian kecerdasan dan kreativiti. Namun tiga tahun selepas itu, pemilihan pelajar dan guru untuk mengajar PKP MARA ini tidak lagi mengikut prosedur pemilihan yang telah ditetapkan itu, iaitu apabila program untuk pelajar pintar cerdas di MRSM Kulim telah dipindahkan ke MRSM Taiping pada tahun 1991. Pada tahun 2003, jumlah pelajar di empat buah MRSM ialah seramai 2495 orang.

Jumlah pelajar ini jauh lebih ramai berbanding dengan jumlah pelajar pada peringkat awal program dilaksanakan pada tahun 1988. Jumlah guru yang terlibat ialah seramai 225 orang (Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2002) dan tiada latihan khusus mengenai MPSS diberikan kepada guru selepas tahun 1990, melainkan kursus jangka pendek dalaman (*in-house*) sebagai pendedahan awal kepada pendidikan pintar cerdas dan MPSS. Jawatankuasa program pintar cerdas dan guru hanya menggunakan buku-buku dalam bidang pintar cerdas dan MPSS sebagai rujukan. Sebahagian besar guru ini adalah guru baru yang masih mengikuti kursus Diploma Pendidikan secara sambilan dengan Institut Pengajian

Tinggi Awam tempatan (Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2000). Kompetensi guru dan infrastruktur pendidikan dalam pelaksanaan MPSS menjadi persoalan untuk dikaji. Keadaan ini selaras dengan pandangan Marker (1982) yang menyatakan bahawa guru sangat diharapkan untuk menjadikan program pendidikan pelajar pintar cerdas lebih bermakna. Guru juga harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan pelbagai strategi untuk mempelbagaikan isi kandungan, proses, rentak dan produk bagi memenuhi keperluan pelajar pintar cerdas.

MPSS dilaksanakan di MRSM terpilih hampir 18 tahun, iaitu dari tahun 1988 hingga 2006. Apakah perasaan, pengalaman dan kesedaran guru dalam melaksanakan MPSS di MRSM? Tambahan pula, peningkatan jumlah pelajar dan guru yang lebih ramai ada kaitannya dengan kemudahan, logistik dan kawalan kualiti dalam melaksanakan MPSS untuk pelajar pintar cerdas di MRSM yang terpilih. Fulan (1982) dalam kajiannya menyatakan bahawa sesuatu model program mengambil masa sekurang-kurangnya lima hingga tujuh tahun sebelum penilaian menyeluruh dilaksanakan. Olenchak dan Renzulli (1989) menyarankan bahawa untuk sesuatu program dipastikan terus berfungsi dengan baik, sekolah perlu sentiasa menilai perkara dan keperluan semasa supaya latihan dalaman dapat diatur sepanjang masa pelaksanaan dibuat.

Dalam setiap inovasi yang diperkenalkan, pentadbir pendidikan dalam sesuatu organisasi berada pada barisan hadapan dalam melaksanakan reformasi

dan kemajuan dalam pendidikan (Goh,1993). Pentadbir pendidikan sering berkonfrontasi dengan banyak isu bermula dari falsafah, teori dan konsep sehingga kepada struktur, organisasi, fakta dan individu yang terlibat. Gallanger (2003) menyatakan bahawa salah satu faktor penentu masa depan program pendidikan untuk pelajar pintar cerdas ialah penyediaan tenaga pengajar. Tidak banyak institusi pengajian tinggi melatih pakar kerana menganggap latihan pendidikan guru tidak ekonomik untuk membiayai suatu bidang yang melibatkan bilangan kecil pelajar. Menurut Goh (1993), semakin kompleks sesuatu inovasi semakin sukar guru dan staf sokongan menerimanya. Kajian Havelock (1973) dan Mahan & Chickedantz (1977) mendapati guru kurang terbuka dengan inovasi kerana menganggap inovasi akan menambahkan beban kerja, mengancam peranan tradisi, memerlukan latihan tambahan, penguasaan ilmu baru dan mempelajari kemahiran baru. Kajian Mahan dan Chickedantz (1977:20) juga mendapati empat faktor yang mengancam kualiti inovasi, iaitu:

- (i) kurang ilmu pengetahuan tentang cara melaksanakan inovasi,
- (ii) konflik antara sikap dan nilai-nilai pendidikan,
- (iii) kebimbangan tentang kecekapan dan kebolehan individu dalam menangani idea-idea baru dan,
- (iv) kurang komunikasi.

Callahan (1993) menyatakan bahawa pada praktiknya, penilaian program adalah satu bidang yang masih diabaikan dalam pendidikan pintar cerdas. Kajian beliau di negara-negara seperti New Zealand, Great Britain, Australia, Perancis,

Brazil, German, Korea, Israel dan Amerika Syarikat mendapati penilaian program pintar cerdas amat berkurangan. Kekurangan kajian penilaian terhadap program pintar cerdas bukanlah kerana kekurangan model-model teoretikal, cadangan atau permintaan tetapi kurangnya perhatian diberikan terhadap penilaian program pendidikan (Renzulli, 1975b; Callahan, 1993 dan; Carter, 1986).

Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan konsep sekolah bestari mulai tahun 1999, manakala MARA memperkenalkan konsep MRSM PKP (Program Khas Pendidikan) pada tahun 1988 dengan melaksanakan integrasi kurikulum biasa dengan MPSS. Menurut Southern dan Ferguson (1996), sekolah memainkan peranan dan tanggungjawab untuk membangunkan setiap potensi diri pelajar. Kurikulum biasa didapati tidak dapat mencungkil potensi diri sebenar pelajar. MARA melaksanakan MPSS sebagai program intervensi untuk memenuhi keperluan pelajar pintar cerdas di MRSM. Program MPSS mula diperkenalkan pada tahun 1988 tetapi pelaksanaan MPSS di MRSM belum pernah dinilai secara menyeluruh sedangkan MARA mempunyai cadangan untuk menambah bilangan MRSM yang melaksanakan MPSS pada masa akan datang. Borland (2003) menyatakan program pendidikan pintar cerdas memerlukan pandangan yang jelas serta kesedaran kritikan sendiri terhadap matlamat dan kekuatan program. Penambahbaikan program adalah satu sikap professional dan tanggungjawab moral yang penting. Oleh itu, kajian penilaian menyeluruh pelaksanaan MPSS dari pandangan dan kesedaran pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar adalah sangat diperlukan untuk memberi maklumat kepada MARA dan pihak yang berminat

dalam merancang program pendidikan pintar cerdas di peringkat menengah pada masa akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian kes ini (*multiple cases*) adalah untuk mencapai satu kefahaman yang menyeluruh dan lengkap terhadap dua buah MRSM (MRSM Taiping dan MRSM Langkawi) yang dikaji dari segi tahap pengetahuan, kesedaran, pengalaman dan perasaan pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar dalam pelaksanaan MPSS terutama terhadap komponen struktur pendidikan, pemberian perkhidmatan pendidikan dan komponen organisasi di MRSM. Sebagai panduan inkuiri khusus untuk kajian ini, penyelidik akan menggunakan satu alat heuristik yang diperkenalkan oleh Stufflebeam et. al., (1971) untuk membuat penilaian pelaksanaan MPSS di MRSM. Alat heuristik ini dikenali sebagai CIPP (*context, input, process, product*). Perkaitan komponen-komponen MPSS dan CIPP diterangkan dalam Rajah 1.1.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk meninjau pengetahuan, kesedaran, pengalaman dan perasaan pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar terhadap MPSS melalui empat aspek penilaian berikut:

(I) Penilaian Konteks

Menganalisis hala tuju dan dasar yang ditetapkan dalam pelaksanaan MPSS dari segi:

1. dasar, wawasan dan falsafah pelaksanaan MPSS di MRSM.
2. jenis pelajar yang ingin dilahirkan hasil dari pelaksanaan MPSS di MRSM.
3. integrasi kurikulum sedia ada dan kurikulum pengayaan dalam MPSS.

(II) Penilaian Input

Mengkaji kemudahan dan sumber (dalam sistem) yang sedia digunakan sepanjang berada dalam tempoh pengajian dua tahun (Tingkatan Empat dan Lima) di MRSM yang melaksanakan MPSS dari segi mewujudkan:

4. struktur pendidikan yang diwujudkan untuk pemantauan pelaksanaan MPSS seperti Penyelaras Ko-kurikulum, Penyelaras Homeroom, Jawatankuasa Aktiviti Jenis III (kajian sebenar dan penghasilan mini tesis pelajar), Penyelaras Mata Pelajaran dan Ketua Jabatan Pengajian.
5. bilik Sumber yang mengandungi semua maklumat yang diperlukan oleh guru dan pelajar termasuk panduan 'how to' dalam pelaksanaan MPSS.
6. jawatankuasa pemanduan (*steering committee*) dan pelaksanaan MPSS.
7. jawatankuasa pembangunan staf.
8. pakar pengajaran untuk merancang dan melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran secara berterusan.
9. jawatankuasa orientasi hala tuju pelaksanaan MPSS untuk guru, staf sokongan dan pelajar.

(III) Penilaian Proses

Meneliti kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan untuk membantu pelaksanaan MPSS dari segi:

10. kaunseling individu dan berkumpulan khususnya untuk pelajar yang tiada fokus dan bermasalah.
11. bimbingan dan maklumat kerjaya untuk pelajar sehingga pelajar jelas dengan kerjaya yang dipilih dan boleh menghasilkan satu hasilan (mini tesis yang relevan).
12. program pengayaan pendidikan secara berkumpulan mengikut mata pelajaran, kursus dan latihan berkaitan dengan kemahiran (Aktiviti Jenis II).
13. program pecutan mata pelajaran terhadap mata pelajaran yang dikenal pasti telah dikuasai oleh pelajar dan mata pelajaran yang lain diajar mengikut kebolehan dan kemampuan pelajar.
14. program pecutan kelas, iaitu kelas yang menunjukkan prestasi yang tinggi sepanjang masa, dilakukan pecutan kelas dengan program alternatif yang bersesuaian.
15. skim mentor kerjaya yang meletakkan pelajar di bawah bimbingan ahli profesional dalam bidang yang pelajar minati.
16. teknik pengubahsuaian kurikulum dalam bilik darjah.
17. program pengayaan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.
18. program peningkatan prestasi seperti kelas pemulihan dan kaunseling akademik.
19. program pengiktirafan untuk pelajar cemerlang.
20. peluang untuk penyelidikan lanjutan.

(IV) Penilaian Produk

Mengkaji komponen produk dengan meneliti:

21. pelaksanaan pesta Aktiviti Jenis III (pameran hasil reka cipta atau mini tesis pelajar).
22. penyediaan fail portfolio pelajar yang komprehensif.
23. data analisis terhadap pelajar seperti gaya pembelajaran, minat dan kebolehan.
24. penerbitan sumber dan bahan maklumat berhubung dengan MPSS.
25. penjadualan program dan semua aktiviti yang berkaitan pelaksanaan MPSS.

1.5 Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian dibentuk berasaskan aspek-aspek yang digariskan dalam komponen MPSS oleh pengasas Renzulli (1985b) yang dikategorikan mengikut konteks, input, proses dan produk berasaskan alat heuristik CIPP oleh Stufflebeam et. al., (1971). Isu-isu yang menjadi fokus utama kajian ini adalah pandangan, pengalaman dan perasaan pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar di MRSM terhadap pelaksanaan MPSS di MRSM terhadap tiga komponen yang telah dinyatakan (struktur pendidikan di MRSM, pemberian perkhidmatan pendidikan dan struktur organisasi di MRSM). Di samping itu, penyelidik cuba menyelami pengalaman dan perasaan responden terhadap pelaksanaan MPSS.

Secara khusus, kajian ini cuba mencari jawapan kepada soalan-soalan berdasarkan empat aspek penilaian berikut.

(I) Penilaian Konteks

Di bawah penilaian konteks, penyelidik ingin mencari jawapan kepada tiga soalan kajian berikut.

1. Apakah dasar, wawasan dan falsafah MPSS di MRSM?
2. Apakah jenis pelajar yang ingin dilahirkan kepada masyarakat setelah mengikuti MPSS di MRSM?
3. Bagaimanakah kurikulum sedia ada diintegrasikan dengan kurikulum yang dicadangkan oleh MPSS?

(II) Penilaian Input

Di bawah penilaian input penyelidik telah membina enam soalan kajian, iaitu:

4. Apakah struktur pendidikan yang diwujudkan untuk pemantauan pelaksanaan MPSS?
5. Adakah bilik sumber yang mengandungi semua maklumat lengkap untuk guru dan pelajar tentang pelaksanaan MPSS disediakan?
6. Adakah diwujudkan jawatankuasa pemanduan (*steering committee*) dan pelaksanaan MPSS?
7. Adakah diwujudkan jawatankuasa pembangunan staf?
8. Adakah diwujudkan pakar pengajaran dan apakah peranan mereka dalam merancang dan melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran?

9. Adakah jawatankuasa orientasi diwujudkan bagi menentukan hala tuju pelaksanaan MPSS untuk guru, staf sokongan dan pelajar?

(III) *Penilaian Proses*

Dari aspek penilaian proses, sebelas soalan kajian dibentuk, iaitu:

10. Bagaimanakah kaunseling individu dan berkumpulan dilaksanakan untuk pelajar yang tiada fokus dan bermasalah?
11. Bagaimanakah bimbingan dan maklumat kerjaya untuk pelajar dilaksanakan sehingga pelajar jelas tentang kerjaya yang dipilih dan boleh menghasilkan satu hasilan (mini tesis) yang relevan?
12. Bagaimanakah program pengayaan pendidikan secara berkumpulan, mengikut mata pelajaran, kursus dan latihan berkaitan dengan kemahiran dilaksanakan?
13. Bagaimanakah program pecutan mata pelajaran dilakukan?
14. Bagaimanakah program pecutan kelas dilakukan?
15. Bagaimanakah skim mentor kerjaya dilaksanakan dan sejauh mana skim ini dapat meningkatkan minat pelajar dalam bidang yang diminati?
16. Bagaimanakah teknik pengubahsuaian kurikulum dalam bilik darjah dilaksanakan?
17. Bagaimanakah program pengayaan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah dilaksanakan?
18. Adakah terdapat program peningkatan prestasi pelajar (seperti kelas pemulihan dan kaunseling akademik) dan bagaimanakah program ini dilaksanakan?

19. Bagaimanakah pelajar cemerlang diberi pengiktirafan yang sewajarnya?
20. Bagaimanakah MRSM menyediakan peluang kepada pelajar untuk melakukan penyelidikan lanjutan?

(IV) Penilaian Produk

Terdapat lima soalan kajian untuk penilaian produk dibentuk, iaitu:

21. Bagaimanakah pesta Aktiviti Jenis III (pameran hasil reka cipta atau mini tesis pelajar) dilaksanakan?
22. Bagaimanakah portfolio yang lengkap bagi seseorang pelajar disediakan?
23. Bagaimanakah data analisis tentang gaya pembelajaran, minat dan kebolehan diperoleh dan disimpan?
24. Adakah terdapat sumber dan bahan maklumat berhubung dengan MPSS diterbitkan?
25. Bagaimanakah MRSM menyediakan jadual program dan semua aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan MPSS?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Penilaian program dalam kajian ini adalah terhadap pelaksanaan MPSS di dua buah Maktab Rendah Sains MARA. Subjek kajian adalah pentadbir pendidikan, guru, pelajar dan ibu bapa. Menurut Tuckman (1985), komponen-komponen utama dalam penilaian program pendidikan secara umum adalah objektif, kriteria untuk mencapai objektif, instrumen untuk pengujian, input yang ingin dinilai dan bagaimana input berfungsi seperti yang dikehendaki. Jika input tidak ada atau tidak berfungsi seperti yang dikehendaki maka kesan tidak dapat